

# Anwar diminta bawa suara rakyat desak PBB

Sokongan tidak berbelah bahagi pelbagai kaum mahu masyarakat antarabangsa henti kekejaman

fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim diminta membawa suara rakyat Malaysia untuk bersolidariti bersama Palestin bagi mendesak masyarakat antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghentikan kekejaman Israel.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata ia supaya semua pihak, khususnya Malaysia tidak sesekali berhenti bersuara mengenai isu itu, yang bukan berkait agama semata-mata, sebaliknya perlu dilihat dalam konteks lebih luas, iaitu kemanusiaan sejagat.

"Perdana Menteri mesti membawa suara kita supaya mendesak masyarakat antarabangsa, mendesak PBB supaya melakukan sesuatu untuk menghentikan kekejaman yang berlaku, yang tidak berperikemanusiaan, yang menjadi sebagai krisis kemanusiaan.

"Krisis ini bukan krisis berkenaan agama. Kita ucapkan tahniah kepada PMX (Anwar) kerana sudah suarakan suara kita, Malaysia pada sidang di Jeddah baru-baru ini, kita jangan berhenti," katanya dalam pidato pada 'Himpunan Malaysia Bersama Palestin' di Bukit Jalil, di sini malam kelmarin.



Orang ramai menunjukkan solidariti ke atas rakyat Palestin pada Perhimpunan Malaysia Bersama Rakyat Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil, malam kelmarin. (Foto Ahmad ukasyah/BH)

Dianggarkan lebih 16,000 orang mewakili pelbagai agama, kaum dan negara hadir pada perhimpunan berkenaan bagi menunjukkan solidariti kepada Palestin.

Dengan sokongan tidak berbelah bahagi rakyat pelbagai kaum tidak kira agama di negara ini, Mohamad yang juga Menteri Pertahanan, berharap semua bersatu hati supaya rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman dan damai.

"Ini penting supaya Malaysia dapat terus menyalurkan apa jua bantuan dan sokongan kepada penduduk di Palestin," katanya turut berharap bantuan dalam bentuk kewangan terus disalurkan kepada penduduk Palestin dengan memanfaatkan tabung derma di rumah ibadat seperti masjid.

Anwar yang turut berpidato pada himpunan sama, memberi kata dua kepada negara yang cuba 'mengajar' Malaysia erti sebenar hak asasi, kebebasan dan

demokrasi, menegaskan beliau tidak gentar, bahkan akan terus konsisten memperjuangkan nasib rakyat Palestin dianiaya rejim Zionis.

## Terima ugutan, teguran

Mengakui ada menerima tekanan dalam bentuk teguran dan ugutan, Perdana Menteri menegaskan, pihak berkenaan tersalah pilih orang kerana beliau bukan susuk yang mudah dikawal dan dipengaruhi pihak terbahit.

Beliau juga mempersoalkan pendirian dan 'perjuangan' berkait soal hak asasi, kebebasan dan demokrasi yang sering dimainkan negara blok Barat, namun dalam isu Palestin, mereka bagai membutakan mata, membisukan mulut dan memekakkan telinga.

Di pentas sama, Perdana Menteri turut berkongsi hasil lawatan kerjanya ke Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Mesir dan Turkiye, dengan per-

bincangan bersama pemimpin tertinggi negara berkenaan berikis soal Palestin.

Pada himpunan sama, Setiausaha Penganjur DAP, Steven Sim, pula mengajak semua pihak terutama rakyat negara ini membeli produk keluaran Palestin sebagai tanda sokongan terhadap negara berdaulat itu.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kewangan II turut menyatakan sokongan bagi menuntut perjuangan kemerdekaan rakyat di bumi Palestin.

"Oleh sebab penindasan holocaust terhadap rakyat Palestin, mereka bukan sahaja hilang nyawamalah sekatan di Tebing Barat membuatkan rakyat Palestin dirompak sebanyak RM16 bilion setahun.

"Saya tak mampu berperang di Gaza, namun setiap tahun saya beli produk Palestin seperti minyak zaitun dan buah kurma. Kita rakyat Malaysia perlu sokong dengan membeli produk Palestin," katanya.